

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4. BIL. 10.

BANDAR BRUNEI, RABU, 20 MAY, 1959 (12 Zulkaidah, 1378)

PERCHUMA

Murid2 hendak-lah juga di-ajar semangat mengasehi tanah ayer D.Y.M.M. DALAM JAMUAN P.G.G.M.

BANDAR BRUNEI: Duli Yang Maha Mulia telah mengingatkan guru2 Melayu Brunei supaya mereka itu bukan sahaja mengajar murid2 dengan pelajaran2 di-bangku sekolah bahkan menggalakkan mereka supaya bersemangat tinggi tentang mengasehi tanah ayer mereka, kaum keluarga dan bangsa-mereka, dan ta'at setia kepada pemerintahan kerajaan serta pula mengutamakan ugama mereka ia-itu Ugama Islam yang sa-benar2-nya yang tidak ada tolok banding-nya di-sisi 'alam ini. Ugama Islam, sambong baginda lagi, ia-lah sa-benar2 Ugama dan sa-berseh2 Ugama dari ugama2 lain.

Pengingatan ini telah di-berikan baginda tatkala bertitah dalam satu jamuan teh di-Civic Centre, di-sini yang telah di-berikan oleh Persekutuan Guru2 Melayu kerana merayakan dan ucap tahniah atas ke kembalian Duli Yang Maha Mulia dari Malaya dan telah di-kurniai bintang2 kehormatan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.

Duli Yang Maha Mulia telah



Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei Sir Omar Ali Saifuddin sedang mengurniakan Darjah Kehormatan Brunei yang tinggi sa-kali ia-itu Darjah Kerabat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-Istana Negara, Kuala Lumpur dalam lawatan Baginda yang rasmi pada bulan April yang lalu. Di-kanan sa-kali ia-lah YTM Duli Pengiran Bendahara dan di-antara DYMM Sultan Brunei dan DYMM Yang di-Pertuan Agong ia-lah YB Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim.

melawat dengan resmi-nya Persekutuan Tanah Melayu dalam bulan April dahulu sa-lama lima hari.

Antara lain titah baginda dalam jamuan itu :

"Sungguh pun lawatan saya ka-Malaya baharu2 ini sangat singkat tetapi saya telah bergirang dan berasa sukachita kerana bukan sahaja lawatan saya itu telah di-sambut dengan sa-tinggi sambutan dan kurniaan, bahkan berpeluang melawat beberapa tempat yang mustahak2 serta menyaksikan berbagai2 pertukangan serta perkara2 kebajikan yang telah di-perbuat baharu2 ini oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

"Maka saya berharap moga2 tidak lama lagi negeri kita Brunei akan juga dapat mengator serta memperbaiki masharakat-nya untuk kebajikan dan kama'amoran ra'ayat jelata di-negeri ini."

Baginda telah juga mengatakan atas kejayaan perundingan rombongan perlembagaan ka-London dahulu itu. Titah baginda :

"Maka tentang perundingan yang telah saya dan rombongan saya jalankan di-London berkenaan dengan Perlembagaan baru bagi negeri ini, tuan2 sekalian se-

dia ma'lum bahawa rundingan itu telah mendapat sa-tinggi2 kejayaan."

Terdahulu dari titah itu Chegu Othman Bidin, Yang Dipertua Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei telah memberikan ucapan-nya mewakili guru2.

(Lihat Muka 5)

Jawatan Kuasa sambutan hari keputeraan

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 baru sambutan Hari Ulangtahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei yang ke-43 permashuaratan-nya telah di-adakan di-bilek perjumpaan, di-bangunan pejabat kerajaan di-Bandar Brunei baharu2 ini adalah saperti berikut :

Penaong : Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Pengurus—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud. Naib Pengurus—Tuan R. D. Ross. Setiausaha Agong—Chegu Mohamed Yusof bin Tahir. Penolong2 Setiausaha Agong—Enche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir dan Awang Hapidz Laksamana. Penyimpan Wang—Tuan Chua Kwang Soon. Penolong Penyimpan Wang akan di-lantek oleh Penyimpan Wang itu sendiri.

Mashuarat itu juga telah melantek sa-ramai 26 orang sa-bagai Ahli2 Jawatan Kuasa.

DUA ORANG "MENTERI LAUT" DI-NAIKKAN GELARAN

BANDAR BRUNEI — Dua orang "menteri bergelar" Brunei dalam bulan ini di-naikkan gelaran dalam satu istiadat di Lapau Diraja di-sini.

Sa-orang daripada-nya telah pun melangsungkan istiadat bergelar kelamarin dan telah di-saksikan oleh ramai pengiran2, dan lainnya.

Yang di-Muliakan Pehin Orang Kaya Seri Wangsa Haji Abdullah yang telah bergelar kelamarin itu telah di-anugerahi nama menjadi Yang di-Muliakan Pehin Orang Kaya Seri Diraja.

Pada 23 May ini Yang di-Muliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Haji Mihammad akan di-anugerahi nama menjadi Yang di-Muliakan Pehin Seri Wangsa Haji Mohammad.



Pehin Setia Pahlawan H. Mohammad.

KEDAI UNTOK ARAK SAJA

KUALA BELAIT. — Lembaga Municipal, Kuala Belait dalam satu meshuarat-nva yang telah berlangsung baharu2 ini telah mengambil keputusan supaya pehak yang berkuasa mengambil tindakan memberhentikan jualan arak di-kedai2 kopi di-sini.

Tauki2 kedai kopi di-sini sudah pun di-beri tahu supaya menukarkan kebenaran berdagang kopi kepada berdagang arak.

Dengan yang demikian mereka yang mendapat kebenaran berniaga arak tidak-lah di-benarkan berniaga kopi di-kedai-nya itu.

Tindakan sa-rupa ini telah sudah berjalan kuatkuasa-nya di-Bandar Brunei.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan di-sambut oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang juga menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Persekutuan Tanah Melayu ketika Baginda tiba di-Lapangan Terbang Kuala Lumpur untuk melawat Persekutuan Tanah Melayu sa-chara rasmi pada bulan April yang lalu.

SOAS KOLEJ MENAULEH KA-TAHUN 1958

BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College di-sini telah berjaya menerbitkan sa-buah majallah menerangkan (review) kemajuan2 yang telah di-chapai dalam tahun lepas.

Majallah yang penuh dengan makallah dan gambar2 itu mengandungi satu ucapan daripada Guru Besar-nya, Tuan L.A. Bradshaw.

Tuan Bradshaw berkata:

"Dalam tahun lepas saya telah meramalkan bahawa tahun 1958 akan membuktikan sa-jauh mana maktab menchapai kemajuan.

"Dalam peperiksaan am, khasnya dalam peperiksaan Senior Cambridge dan General Certificate of Education, kita telah menunjukkan jalan ka-arrah kejayaan akan datang. Dalam lapangan pelajaran yang lebeh luas kita memulakan pelajaran teknik, drama, dan musik. Keputusan2 sukan kita ada-lah memuaskan. Pada am-nya bolehlah kita berbangga.

Tuan Bradshaw telah melanjutkan ucapan-nya dengan menegaskan betapa mustahak-nya tiap2 murid dan guru menaruh perasaan persaudaraan dan semangat kaseh sayang kapada maktab itu.

"Sa-barang orang, guru, penuntut atau pun buruh sekolah yang kurang ta'at setia dan enggan hendak mengembangkan

semangat itu lebeh baik di-jauhkan ka-suatu tempat yang lebeh rendah darjah-nya dari yang di-maksud oleh SOAS College.

PENASIHAT UNDANG2 BAHARU PERLEMBAGAAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Enche Mohamed Suffian bin Hashim, Solicitor General Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah dilantek menjadi Penasehat Undang2 Perlembagaan Negeri Brunei yang baharu menggantikan Dato Panglima Bukit Gantang Tuan Haji Abdul Wahab yang telah meninggal dunia tidak berapa lama dahulu.

Enche Suffian telah tiba di-Brunei baharu2 ini dan akan tinggal di-sini sa-lama kira2 dua bulan. Dalam masa itu Tuan L.A. Massie akan memangku jawatan sa-bagai Solicitor General Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sahingga Enche Suffian balek ka-Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau ia-lah anak Melayu yang pertama sa-kali memegang jawatan yang tinggi itu dalam Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Enche Suffian juga ada-lah penuntut Melayu yang pertama sa-kali memenangi hadiah Pelajaran Perchuma Baginda Queen untuk melanjutkan pelajaran-nya ka-University Cambridge, di-England.

Enche Suffian telah mendapat ijazah "Bachelor of Arts" ("Honours") pada tahun 1939 dan telah lulus dalam peperiksaan undang2 pada tahun 1940. Dalam masa peperangan beliau telah berkhidmat sa-bagai Ketua Perkhidmatan Melayu di-Radio All-India dan pada tahun 1945 1946 beliau menjadi Ketua Bahagian Melayu di-B.B.C. London.

Pada tahun 1946 beliau telah

Melawan penyakit chachar segera di-tamatkan

BANDAR BRUNEI. — Ranchangan menanam chachar penduduk2 negeri supaya terkawal dari penyakit chachar di-jangka akan tamat terlebeh chepat dari yang di-jadualkan.

Ini ia-lah di-sebabkan murid2 sekolah2 bandar telah di-nasihatkan supaya pergi bertanam chachar di-klinik2 rumah sakit dan dispensary.

Rombongan perubatan yang mula2 di-tugaskan menanam cha-

char murid2 sekolah itu sekarang ini di-tugaskan melawat ka-sekolah kampung sahaja.

Yang demikian Sekolah2 bandar yang mempunyai murid yang lebeh ramai itu tidak akan melambatkan tugas mereka.

Kerana bertanam chachar klinik rumah sakit Kerajaan akan di-buka tiap2 hari, hari Ithnin sampai hari Khamis dari pukul 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Klinik rumah sakit Kuala Belait dan dispensary Tutong dan Bangar akan juga di-buka untuk menanam chachar.

KA-KUCHING

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh tiga orang anggota baharu Polis Brunei telah berlepas ka-Kuching, Sarawak dengan kapal Bolkiah pada hari Khamis lepas kerana mendapat latehan, di-pusat latehan Polis Sarawak.

Mereka itu akan berada di-Kuching sa-lama 13 bulan.

Rombongan ini mungkin rombongan anggota baharu Polis yang penghabisan di-hantar ka-Kuching untuk mendapat latehan.

Anggota2 baharu yang akan datang akan di-hantar ka-pusat latehan Polis Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur.

Pegawai pemerintah pusat latehan itu telah bersetuju bahawa anggota baharu jaminan sa-hingga 20 orang anggota Polis Brunei akan di-beri tempat di-pusat latehan itu dalam tiap2 penggal latehan.

Latehan di-Kuching itu ia-lah atas perbelanjaan Kerajaan. Tiap2 sa-orang yang di-hantar di-kenakan bayaran sa-banyak \$1,000.

ORANG HAJI TIBA DI-JUDAH

BANDAR BRUNEI. — Sa-puchok kawat telah di-terima dari Judah mengatakan bahawa jama'ah haji Brunei telah selamat sampai di-pelabuhan sana pada 17 May sudah.

Rombongan haji yang telah bertolak dari Brunei pada 20 dan 21 April dahulu itu ia-lah sa-ramai 125 orang.



Sa-bilangan dari pelatoh2 Polis Brunei kelihatan dalam kapal "Bolkiah" sa-belum mereka belayar ka-Kuching baharu2 ini untuk berlateh di-sana atas perbelanjaan kerajaan Negeri Brunei.

RUMAH2 KAMPONG AYER DI-PINDAH KA-DARAT

KERAJAAN BERSEDIA MEMBANTU

Kampung Ayer yang sering di-bandingkan oleh para pelancong dengan Venice, sa-buah kota di-Italy itu ada-lah benar2 sa-buah kampung yang merunsingkan pehak pemerintah.

Rumah2 di-kampung itu kebanyakan-nya sudah lama dan buruk dan oleh sebab penduduk2-nya ramai dan keadaan hidup mereka tidak memberi harapan yang sa-penoh-nya bagi masa hadapan, kampung itu di-sifatkan sa-bagai sa-buah kawasan sesak Bandar Brunei.

Perbandingan dengan Kota Venice itu ada-lah sa-takat terusan2 ayer yang menjadi jalan lalu lintas perahu yang di-gunakan sa-bagai jalan perhubungan antara kumpulan2 rumah dalam kampung itu.

Rumah2 kampung Ayer tidak di-bena dari batu. Semua-nya ada-lah daripada kayu dan papan, atap-nya nipah, belian atau zinc.

Penduduk2-nya di-anggarkan berjumlah 15,000 orang kecil dan besar dari 3,000 keluarga.

Oleh sebab memandang betapa mustahak-nya penduduk2 kampung itu mendapat jaminan hidup yang sempurna untuk masa hadapan Kerajaan telah mengumumkan satu ranchangan pemindahan mereka.

Ranchangan itu mungkin memakan belanja berpuluh2 juta ringgit dan apabila selesai di-laksanakan ekonomi dan taraf kedidupan penduduk2 kampung Ayer akan lebih tinggi dari sekarang.


Ranchangan pemindahan itu ia-lah lanjutan kepada ranchagan pemindahan penduduk2 kampung itu yang telah di-jalankan sejak tahun 1954.

Penduduk2 Kampung Ayer yang mengambil kesempatan menerima tawaran pindah itu telah di-beri tanah tapak rumah dan tanah untuk berternak dan berchuchuk tanam.

Mereka itu telah di-pindahkan ka-beberapa buah kampung baharu dekat Bandar Brunei, tetapi bilangan-nya sangat sa-dikit kerana sa-tengah2 penduduk Kampung Ayer yang ingin hendak pindah mengatakan syarat2 yang di-adakan pada masa itu tidak memuaskan.

Walau pun demikian beberapa keluarga telah pindah ka-kampung baharu, jalan Muara dan jalan Berakas.

Sa-bahagian lagi telah pindah ka-Kampung Pinggai, jalan Berakas juga.



Pemandangan Kampung Ayer, Brunei dari udara.

Mereka itu telah di-beri tapak rumah dan sa-lain dari pinjaman wang untuk mendirikan rumah tanah untuk berchuchuk tanam dari sa-tengah hingga dua ekar bagi satu keluarga.

Sharat2 baharu kerana memindahkan penduduk2 Kampung Ayer itu maseh di-binchangkan oleh satu jawatan kuasa yang telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia.

Jawatan Kuasa yang terdiri dari beberapa orang dan di-ke-tuai oleh Pegawai Daerah Brunei itu telah pun menemui beberapa keluarga dan meninjau fikiran mereka atas ranchangan baharu itu.


Sa-takat ini lebih 680 keluarga telah bersetuju hendak pindah.

Dalam ranchangan itu mereka itu akan di-pindahkan ka-kawasan ladang2 getah kerajaan ia-itu Gadong Estate dan United Plantations Estate di-Berakas.




Sharat2 dalam ranchangan baharu itu ada-lah di-anggap limpah kerana ia-nya telah di-per-timbang dan di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia.

Sa-suatu keluarga itu yang menerima tawaran itu mungkin di-beri sa-lain dari tanah tapak rumah sa-dikit tanah getah yang

(Lihat Muka 7)



Gambar2 atas dan bawah Pemandangan2 Kampung Ayer Brunei yang indah itu.



Pelabuhan Brunei. Bangunan dalam gambar kanan ia-lah bangunan Jabatan Custom dan bangunan gambar kiri ia-lah "Rest House" Kerajaan Brunei.

PELITA BRUNEI

Bandar Brunei

Rabu, 20 May, 1959.

**KEHILANGAN
HANYA SA-KEJAP**

Kehilangan Brunei sa-orang peguam yang berpengalaman, jujur dan baik hati itu dan telah menjadi penasihat undang2 kepada rombongan perlembagaan Brunei ka-London dahulu itu ada-lah menyebabkan Brunei harus bersabar lagi dan lebih hati2 menempohi hari pengistiharan perlembagaan yang akan mula berjalan kuat kuasa-nya bulan September tahun ini, dan biar-lah belum pada 31 July tidak lama lagi itu.

Beliau yang hilang itu ia-lah Dato Panglima Bukit Gantang, Haji Abdul Wahab yang telah meninggal dunia di-Ipoh, Malaya belum lama sa-lepas rombongan perlembagaan Brunei kembali dari London.

Namun demikian kehilangan itu tidak menghalang chita2 Brunei untuk menikmati perjalanan kuatkuasa-nya perlembagaan bertulis baharu yang telah pun mendapat persetujuan itu.

Kerja2 mengenai penyiapan perlembagaan yang sa-patut-nya disiapkan sendiri oleh Dato Gantang telah di-sanggupi oleh sa-orang peguam Melayu muda Persekutuan Tanah Melayu untuk menyiapkan. Sa-kadar terpaksa mengambil sa-dikit masa kerana meneliti dan menyimak dan mengah-lusi isi2 yang akan mendatangkan faedah kepada ra'ayat Brunei seluruh-nya.

Peguam yang mempunyai kesanggupan itu ia-lah Inche Mohammad Sufian bin Hashim, sa-orang Melayu yang mula2 sa-kali mendapat Queen's Scholarship belajar di-University Cambridge.

Inche Sufian, walau pun ia-nya jauh muda dari Dato Gantang tetapi telah mempunyai pelajaran yang tinggi dalam bahagian undang2. Beliau telah mendapat kelulusan B.A. (Honours) dalam tahun 1939.

Beliau telah lulus dalam penuntutan-nya di-lapangan undang2 dalam tahun 1940 dan menjadi sa-orang peguam.

Baharu2 ini Inche Sufian telah di-lantek oleh Persekutuan Tanah Melayu menjadi Solicitor-General, ia-itu orang Melayu yang julong2 kali menerima pangkat demikian.

Dulu-nya Sufian pernah menjawat jawatan ketua All-India Radio dalam bahagian Melayu dan pernah mengetuai renchangan Melayu di-B.B.C., London, dan beberapa jawatan2 yang tinggi di-Persekutuan.

Kehilangan Brunei sa-orang yang mempunyai pengalaman lama telah dapat di-atasi dengan penerimaan Inche Sufian meneruskan pekerjaan2 perlembagaan hingga menepati masa yang di-tetapkan.

Adat mengadakan "makan tahun" beramai-ramai

GALAKKAN BEKERJASAMA

(oleh Zakie)

Tempat atau kampung yang maseh lagi memegang 'adat mengadakan jamuan makan sa-chara bergotong royong pada tiap2 lepas "mengetam" atau menuai padi, ia-lah sa-buah kampung dudok-nya kira2 14 batu dari Bandar Brunei dengan menggunakan jalan kereta, ia-itu Kampong2 dalam lengkongan Jerudong. Chara mengadakan jamuan saperti itu di-gelarkan "makan tahun".

Di-Kampung Berakas dan beberapa buah kampung2 lain lagi di-pendalaman Brunei ada juga yang maseh meminati chara mengadakan jamuan sa-rupa itu. Baharu2 ini "makan tahun" telah di-adakan di-Kampung Anggor, Jerudong. Lusa di-Kampung Jerudong "sa-benar" pula mengadakan makan tahun.

Jamuan makan tahun itu di-adakan sa-chara berkumpul2 di-anjorkan dengan kerjasama semua anak2 kampung dan diketuai oleh penghulu kampung itu sendiri.

Ini di-adakan sa-tahun sa-kali sa-bagai mengingati arwah orang2 tua yang telah meninggal dunia dan juga sabagai satu tanda keshukoran atas lempah kurnia dari Tuhan kerana telah menyelamatkan dan melindungi hamba-nya sa-lama sa-tahun sa-panjang berpadu.

Salesai sahaja semua anak2 kampung mengetam padi mereka, apalagi mendapat hasil yang ma'amor, penghulu dan anak2 kampung sekalian mengadakan satu perjumpaan yang ringkas kerana merundingkan perkkara hendak mengadakan makan tahun. Dalam perjumpaan inilah mereka mengambil keputusan bila mengadakan makan dan berapa banyak sa-buah rumah patut mengeluarkan belanja.

Besar atau keshil-nya jamuan makan tahun ini di-adakan adalah tergantung kepada ramai anak2 kampung itu dan bagitu juga sambutan2 dari para jemputan yang datang.

Urusan2 'am ada-lah di-selenggarakan oleh penghulu kampung itu sendiri dengan mendapat bantuan dari dua atau tiga orang anak2 kampung-nya.

Tempat mengadakan makan tahun itu ada-lah di-khaskan pada suatu kawasan yang sa-suai untuk di-datangi dan bagi mengadakh-nya. Di-sini-lah beberapa buah teratak yang dapat di-gunakan hingga 3 atau 4 tahun di-dirikan.

Tiap2 buah teratak tidak kurang panjang-nya dalam 200 kaki lebih dan di-sa-suaikan elok bagi menghidang jamuan.

Di-tapak yang agak lapang berdekatan dengan teratak2 itu ada juga di-khaskan untuk memasak dan tempat menyuchi pinggan mangkok.

Sa-hari sa-belum makan tahun itu di-adakan anak2 kampung tidak mengira lelaki atau perempuan dan orang2 dewasa atau budak2 bergotong royong membuat kerja2 keperluan dan menyediakan perkakas2 yang akan di-gunakan untuk jamuan itu. Hari ini biasa-nya di-katakan "hari membungkus."

Sa-mentara pehak lelaki "memaha2i" mengerat2) daging, pehak perempuan pula membungkus kelupis. Kelupis di-sini biasa-nya di-bungkus dengan sa-jenis daun hutan yang di-panggil daun nyirek.

Pada awal pagi ini-lah juga mereka memotong kerbau yang akan menjadi hidangan pada jamuan itu.

Memasak gulai kerbau dan mendadih kelupis juga di-kerjakan pada hari itu dan hanya memasak nasi di-kerjakan pada awal pagi hari makan tahun.

Pada malam "membungkus" itu sering juga di-adakan "berjaga2", dengan mengadakan berbagai tarian2 bersendirian dan ada juga terkadang panchak silat persembahan anak2 kampung itu

sendiri dengan sa-chara sukarela.

Jaga2 berjalan terus sa-malam2man itu menghilangkan leteh dan sambil menghibor orang2 yang sedang menjalankan kerjanya.

Ada juga sa-tengah-nya terpaksa mendirikan pondok2 kecil berdekatan dengan teratak2 itu di-sebabkan tempat mereka jauh dari situ dan mereka terpaksa bermalam sa-malam disana, terutama yang mempunyai anak2 kecil.

Pada hari jamuan makan tahun itu di-adakan ramai-lah orang2 kampung berdoyon2 datang ka-tempat itu.

Antara jemputan2 ada yang datang dari tempat2 yang jauh dengan memakai kereta, besikal dan kebanyakan-nya dengan berjalan kaki sahaja bagi orang2 yang tidak berapa jauh tempatnya.

Tidak ada surat2 jemputan di-keluarkan, tetapi memang sudah teradat mereka menjemput memadai dengan "pesan mulut" atau dengan memberi khabar sahaja.

Sa-panjang mengadakan istiadat makan tahun itu ka-semua-nya berkerja dengan gotong royong dan tidak mengira lelaki atau bosan mereka berkerja terus hingga salesai.



Anak2 kampung Anggor, Jerudong kelihatan beramai2 merayakan istiadat makan tahun yang telah berlangsung baharu2 ini.

Adek beradek di-tudoh melakukan bunoh

SERIA. — Dua orang perempuan Melanau adek beradek telah di-tudoh dalam mahkamah pada hari Rabu 6 haribulan May membunuh sa-orang budak perempuan, Phyllis Archer pada 8 February lepas.

Mayat budak perempuan telah di-jumpai dalam keadaan yang telah busuk pada 11 February di-Lorong 14 dalam sa-buah tangki najis.

Dua orang perempuan yang di-tudoh membunuh Phyllis Archer itu ia-lah Balau binte Nyawah dan adek-nya Aning binte Nyawah. Kedua2-nya tinggal di-rumah Tuan William Edward Archer, bapa si-mati itu di-Lorong 14.

Perbicharaan atas tuduhan membunuh itu akan di-jalankan dalam mahkamah tinggi Brunei. Tuduhan itu di-buat di-bawah section 302 undang2 Penal Code Brunei.

Penyasatan itu telah di-jalankan dari hari Thalatha.

Tuduhan itu telah di-terangkan oleh Tuan Combe dalam bahasa Melayu dan Balau telah berkata: "Saya tidak tahu apa2 dalam perkara ini."

Rumah pembagi chandu di-gelidah

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang lelaki China telah di-tudoh dalam mahkamah pada hari Rabu lepas kerana di-dapati menyimpan chandu di-rumah-nya di-Kampung Ayer.

Chandu gelap sa-banyak enam bungkus kecil telah di-rampas dari rumah-nya yang telah di-gelidah oleh polis dan telah di-serbu pada pagi itu juga sa-telah mendapat kenyataan bahawa tempat menyimpan chandu gelap di-dapati di-sana.

Rumah itu di-perchayai sa-bagai tempata mengidarkan chandu gelap kepada orang2 yang menghisap madat di-bandar ini.

Perbicharaan telah di-tangguhkan dan orang yang di-tudoh telah di-benarkan balek ka-rumah sa-telah mengikat jaminan sa-banyak \$1,000.

Bendahara Sakam mengadakan HIB

BUNUT. — Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut akan kali yang ke-lima mulai dari menyambut Hari Ibu Bapa-nya hari Khamis 11 June hingga Ahad 14 June, 1959.

Orang2 dewasa yang hendak mengambil bahagian dalam tamasha itu boleh-lah perhubungan dengan Setiausaha, Hari Ibu Bapa Sekolah Melayu Bendahara Sakam, c/o Jabatan Penerangan, Bandar Brunei jangan lewat dari hari Ahad 7 June.

MENCHOBA MENYELUDUP CHANDU 6 BULAN PENJARA

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang anak kapal "Bidor", Osman bin Abdul Rahman atau Amat bin Awal berumur 40 tahun peranakan Melaka, Persekutuan Tanah Melayu telah di-perentahkan supaya di-tahan di-penjara Jerudong sa-lama sa-minggu hingga 18 haribulan May untuk menerima hukuman.

Osman telah di-dapati salah dalam menyimpan chandu gelap



Antara berbagai2 perusahaan kampung yang di-buat oleh anak2 Negeri Brunei ia-lah perusahaan membuat tali. Gambar ini menunjukkan sa-orang perempuan Kedayan sedang mengulas kalat yang di-buat dari sabut.

SULTAN PEMIMPIN RA'AYAT

(Dari muka 1)

Chegu Othman berkata :

"Patek, bagi pehak ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei terlebih dahulu mengucapkan shukor kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah dapat mengadakan temasha pada hari ini dan patek telah dapat mempersembahkan ucapan terima kasih kepada Kebawah Duli Tuan Patek dan para hadirin yang telah sudi menghadhiri temasha dan jamuan yang tidak dengan saptinya ini.

"Kemudian daripada itu, maka ini-lah patek sa-bagai wakil ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei mempersembahkan sa-tinggi2 tahniah ka-hadhrat Tuan Patek dan ahli2 rombongan kerana telah mencapai kejayaan yang chemerlang di-dalam perundingan yang telah di-jalankan di-London

baharu2 ini untuk menetapkan nasib ra'ayat Negeri Brunei dan tumbuh mengeluarkan hasil.

"Dan juga patek2 menyembahkan tahniah lagi kerana Kebawah Duli Tuan patek telah mendapat bintang kebesaran Darjah Seri Mahkota Negara dari DYMM Seri Paduka Yang Dipertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu dan bintang kebesaran Darjah Utama Darjah Kerabat Diraja dari DYMM Sultan Kelantan.

"Di-atas penerimaan itu sa-kali lagi patek2 mengucapkan shukor kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

"Di-sini tidak-lah payah patek2 mengucapkan dengan panjang lebar berkenaan dengan jasa2 atau budi baik Kebawah Duli Tuan Patek kepada ra'ayat dan Negeri Brunei, kerana telah nyata terbukti kepada ra'ayat bahawa Kebawah Duli Tuan Patek adalah sa-orang sultan yang benar2 memimpin ra'ayat dan Negeri Brunei sa-banding dengan ra'ayat dan negeri yang berkemajuan di-alam ini.

"Tidak-lah salah kalau patek2 mengatakan bahawa ra'ayat Negeri Brunei mersa beruntung dan bertuah mendapat sa-orang sultan yang berjiwa pemimpin dan berdiri di-hadapan ra'ayat meneruskan perjuangan dengan tidak memperdulikan apa jua keritek yang di-hadapkan kepada tuan patek, tetapi tuan patek berjalan terus di-atas dasar kebenaran."

TAHNNIAH KAPADA PELAKUN BRUNEI

Sa-puchok kawat yang telah di-terima dari Malaya baharu2 ini mengatakan bahawa sa-buah Filem Brunei yang meriwayatkan perkembangan Brunei telah mendapat hadiah terbaik dalam Festa Filem di-adakan di-Kuala Lumpur baharu2 ini.

Filem Unit berasa bangga atas kejayaan filem yang diambil-nya itu dan menerusi Pejabat Penerangan Brunei mengucapkan tahniah kepada pelakun kecil yang mengambil bahagian penting dalam filem itu.

Pelakun Brunei yang kecil itu ia-lah Awangku Ibnu bin Pengiran Apeng.

PASOKAN BRUNEI KALAHKAN LABUAN

LABUAN. — Pasokan Champoran Tongkadeh-Padang Baru-Tasek dari Brunei telah mengalahkan Pasokan Labuan dengan 4 gol berbalas 2 dalam perlawanan ulangan semi-final Piala Perak Centenary di-Padang Labuan pada petang hari Jumaat 15 May, 1959.

Dalam perlawanan kedua2 pasokan itu di-Bandar Brunei pada 9 May mereka telah beroleh seri ia-itu 2 gol berbalas 2.

Dalam perlawanan semi-final kedua itu, Sabtu telah menjaringkan 3 gol manakala Awangku Radin satu gol bagi Pasokan T.P.T.

Voon dan Vasan menjaringkan satu gol sa-orang bagi Pasokan Labuan.

MA'ANUSIA MAHU-LAH MEMPUNYAI CHITA2

(oleh Kak Zai)

Sudah menjadi suatu kenyataan yang tidak dapat di-bantah, bahawa hidup di-dalam dunia ini kita mesti-lah mempunyai chita2. Manusia yang tidak mempunyai chita2 ada-lah laksana sa-buah perahu yang tidak mempunyai kemudi, ia akan simpang perinang bila belayar menuju suatu hala. Dia bergerak menurutkan arus laut atau hembusan angin yang sa-tiap masa akan bertukar hala.

Manusia yang tidak mempunyai chita2 ada-lah manusia mati sa-belum hidup-nya. Dia telah lebeh dahulu menggali lubang-nya sendiri sa-belum ia-nya menempoh jalan hidup. Dia ada-lah dapat kita umpamakan sa-bagai bangkai yang bernyawa, dan hidup-nya tidak bererti untuk masyarakat, malahan juga untuk diri-nya. Mata-nya terbuka lebar tapi ta'dapat melihat. Ia ta'dapat merasai'kenyata'an hidup yang pesti dirasai oleh manusia yang punya chita2.

Tiap2 wanita atau pemuda yang di-alam ini perlu mempunyai chita2, mesti menjadi Ibu Bangsa yang berguna, serta mempunyai tanggung jawab untuk masyarakat bangsa-nya, di-kemudian hari kelak. Bukan hanya hidup sa-bagai arus kayu yang di-tengah laut.

Sa-patut tiap2 kaum wanita mesti mempunyai obor yang tidak kunjong padam. Obor yang mesti mempunyai sinar untuk menerangi jalan hidup sa-bagai manusia yang ingin berjasa dan berbakti untuk Ibu Pertiwi.

Mereka yang insaf dan sedar bahawa jalan hidup yang diterangi oleh nyala obor dan sinar-nya itu-lah manusia yang benar2 bererti hidup. Dan sinar obor itu akan hidup dan terus menerangi keliling masyarakat sa-bagai sa-buah pelita yang tidak pernah padam.

Mereka tidak akan berhenti

Kampung malilas mahu sekolah

KUALA BELAIT. — Sa-buah sekolah Melayu telah diminta di-dirikan di-Malilis oleh keluarga2 Iban yang menduduki kampung itu.

Kanak2 Iban dari Kampung Malilis pada suatu masa dahulu belajar di-sekolah Melayu Sukong.

Sekolah itu telah di-tutup baharu2 ini oleh sebab kekurangan murid.

Keluarga2 Iban itu menda'wa bahawa Sukong sangat jauh dari Kampung mereka dan yang demikian menyusahkan anak2 mereka datang ka-sekolah itu.

Bilangan kanak2 yang berkehendakan sekolah itu di-anggar-lebih 32 orang.

dalam pengembara'an hidup-nya, sa-belum mereka sampai ka-pantai idaman chita2-nya. Mereka tidak akan berhenti mengayoh perahu hidup-nya sa-belum melihat daratan, walau pun gelombang dan badai sentiasa menyering mereka tidak henti2-nya.

Apa-kah chita2 manusia?

Chita2 itu ada-lah bisikan dari jiwa yang lahir dari bathin. Semua manusia mempunyai chita2 bermacam2 chorak-nya mengikut resemam jiwa masing2.

Saya perchaya tiap2 manusia itu mempunyai chita2 yang baik untuk kebaikan diri dan masyarakat bangsa-nya. Terutama masyarakat wanita. Kalau masyarakat wanita teratur dengan baik neschaya masyarakat saluruh-nya akan mengikut bersama.

Wanita2 muda, gadis remaja yang ingin akan menjadi ibu dan juru didik untuk anak2 yang akan di-lahirkan-nya bila telah bersuami nanti, ingin melihat anak2 itu menjadi hiasan taman yang indah, taman ibu pertiwi yang di-kasehi. Mereka ingin menchiom agar taman itu sentiasa wangi, bukan saja dalam negara-nya bahkan akan terkenal ka-seluruh dunia luar.

Tidak-kah kita ingin memperlihatkan kepada dunia kesanggupan kita yang akan berdiri di atas kaki kita sendiri?

Ini-lah satu2 idaman chita2 kita dari sa-mula jadi.

Dari-itu jangan-lah lagi alpa dari bergerak menuju jalan hidup yang sa-benar.

KUEH NENAS

(Oleh : MARHAENY)

Bahannya :

Sabua nenas, 3 chawan susu chayar, gula, sabiji roti benggal (roti tawar), 3 butir telur ayam, dan kayu manis halus.

Memasaknya :

Nenas dikupas dan dibuang matanya, dipotong bulat2 (tipis), hatinya dikeluarkan. Telor dipukul sabentar dengan gula dan di-champor dengan susu.

Achuan disapu dengan mentega, roti di-potong2 buang kulitnya dan disusun didalamnya. Diatas roti ini disusun akhirnya susun lagi roti diatasnya. Setelah tersusun semuanya, siramlah dengan susu yang telah dipukul dengan telur dan gula tadi dan bakarlah hingga masak.

AGAR-AGAR KUEH NENAS

Bahannya :

Agar2, nenas, gula dan fanila.

Memasaknya :

Agar2 direndam sabentar; masaklah ayer panas, bila telah mendideh masukkan agar2 tadi, jika agar2-nya telah pechah baru dimasukkan gula sachukupnya dan fanila.

Nenas setelah dibersehhkan di-potong2 dan direbus, kemudian diambil ayernya, satukan dengan ayer2 yang sedang dimasak tadi dan masaklah hingga masak betul.

Kemudian tuangkan kadalam achuan. Agar2 ini dimakan dengan buah anggur (grapes) dalam tin.

Memperbaiki taraf pelajaran di-Sekolah2 Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang pegawai pelajaran telah di-jemput dari luar negeri untuk mengkaji chara2 pengajaran di-sekolah2 menengah kerajaan di-seluruh negeri ini.

Langkah ini telah di-ambil kerana bukan sahaja chara2 mengajar di-sekolah2 kerajaan tidak sama tetapi mata2 pelajaran di-kelas2 dalam satu darjah juga tidak sama.

Dua orang di-antara pegawai2 itu ia-lah dari Persekutuan Tanah Melayu, Inche Aminuddin bin Baki dan Tuan P. Chang. Yang sa-orang lagi ia-lah Tuan J. C. Jones, penasihat teknikal bahagian sekolah2 di-Pejabat Tanah Jajahan, London.

Tuan Jones di-tugaskan mengkaji chara2 mengajar ilmu pertukangan kepada murid2 di-sekolah2 kerajaan dan Inche Aminuddin dan Tuan Chang akan menyiasat sa-chara sa-pintas lalu sama ada chara2 mengajar di-sekolah2 sa-suai bagi murid2 Melayu di-negeri ini.

Kedatangan tiga orang pakar

pelajaran itu ia-lah dengan jempunan Duli Yang Maha Mulia dalam meshuarat.

British Resident Brunei, Yang Berhormat Tuan D. C. White takala mengalu2kan kedatangan mereka itu berkata :

"Kerajaan Brunei menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kerana telah bersetuju menghantar pegawai2 itu ka-Brunei."

Kerajaan berharap shor2 dalam penyata yang akan di-sampaikan oleh mereka kelak akan mendatangkan faedah kepada murid2 Melayu.

Inche Aminuddin dan Tuan Chang di-jangka akan berada di sini selama dua minggu. Mereka akan balek ka-Persekutuan sa-belum hujung bulan ini.

BRUNEI DI-PESTA

BANDAR BRUNEI. — Film "Brunei" yang di-buat oleh Malayan Film Unit dan di-pamerkan dalam pesta filam Asia yang keenam di-Kuala Lumpur baharu2 ini telah mendapat hadiah.

Film berkenaan dengan istiadat pembukaan masjid baharu Masjid Omar Ali Saifuddin dan perayaan menyambut ulang tahun ke 42 keputeraan Duli Yang Maha Mulia telah juga di-pamerkan dalam pesta itu.

Film itu di-buat oleh sharikat Cathay Film Services, Singapura.

PELUANG UNTUK BEKERJA MENJADI JURURAWAT

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Perubatan Brunei telah menawarkan beberapa jawatan pelatoh jururawat kepada gadis2 negeri ini yang berumur lebeh dari 18 tahun.

Merek itu akan di-beri latihan sa-belum menjadi jururawat di-rumah2 sakit kerajaan sa-lama tiga tahun.

Gadis yang meminta jawatan itu hendak-lah lulus darjah tujuh sekolah Inggeris. Latihan akan di-mulakan pada 31 August tahun ini.

Jururawat2 akan di-beri gaji sa-banyak \$174 sa-bulan dalam tingkatan gaji \$174 x 14-188-204/pereksa/320 x 20-340-350 sa-bulan.

Sa-lain dari gaji allowance makan sa-banyak \$35 sa-bulan dan tempat tinggal akan di-beri.

Permohonan hendak-lah di-alamatkan kepada Matron, Rumah Sakit Kerajaan, Brunei, dari mana keterangan2 yang lebeh lanjut boleh di-dapati.

PADANG DI-BRUNEI SESAK OLEH 3,000

BANDAR BRUNEI.—Kira2 3,000 orang telah menyaksikan satu perlawanan bola sepak yang cukup hebat di-Padang Pekan Brunei pada petang hari Sabtu 9 May, 1959, di-antara Pasokan Champoran Tongkadeh-Padang Baru-Tasek dengan Pasokan Labuan, dalam perlawanan bola sepak Semi-Final Piala Perak Centenary.

Awangku Radin dan Ang Kwang Joo telah menjaringkan bagi pihak Pasokan Champoran Tongkadeh-Padang Baru-Tasek manakala Voon Yin Foh dan Vasan pula menjaringkan bagi pihak Pasokan Labuan.

Sa-belum perlawanan di-mula, pemain2 pasokan2 itu telah di-perkenalkan kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha. Kemudian Duli Pengiran Pemancha di-jemput mendengar bola pertama sa-bagai tanda mengisytiharkan perlawanan di-jalankan.

Sa-panjang perlawanan berjalan, pemain2 kelihatan bermain dengan cukup chergas dan penaga2 gol masing2 berusaha menyelamatkan tendangan2 yang marabahaya.

Pada saat yang kedua belas Labuan telah mengejutkan Pasokan Champoran manakala Vasan forward-nya telah menjaringkan satu gol bagi pasokan-nya sa-lah mendapat hantaran dari-ada centre-forward Voon.

Pasokan Champoran telah bermain dengan lebih chergas lagi dan telah berjaya membalas balik gol yang di-lakukan oleh Ang

Kwang Joo, 10 minit kemudian.

Awangku Radin sayap kiri, pasokan Champoran telah menjaringkan gol yang kedua bagi pasokan TPT sa-telah perlawanan di-sambung semula. Kira2 10 minit kemudian-nya pasokan Labuan telah menjaringkan gol-nya yang kedua menerusi Vasan.

Sa-telah berehat sejurus, Pengadil Perlawanan tersebut, Tuan Lane Fisher telah membunyikan

suling-nya dan menyambungkan semula perlawanan tersebut.

Bagaimana pun, oleh-kerana ke-handalan pasokan2 tersebut dan juga oleh kerana kecekapan penjaga2 gol mereka, Awangku Johari (Pasokan TPT) dan Carter (Pasokan Labuan) sama-kuat, perlawanan yang hebat itu telah berkesudahan dengan seri juga sa-telah bermain semula sa-lama 10 minit lagi.

Oleh kerana chuacha kurang baik, Pengadil perlawanan tersebut tidak menyambungkan lagi perlawanan itu.

Kedua2 pasokan tersebut telah bermain semula di-Labuan pada hari Jumaat 15 May, dan keputusan-nya ada-lah kita siarkan di-lain ruangan.



Pasokan Tongkadeh-Padang Baru-Tasek dan Pasokan Labuan di-gambarkan sa-belum mereka bertemu dalam perlawanan semi-final Piala Perak Centenary di-Padang Pekan Brunei pada 3 May. TPT mendapat 2 gol dan Labuan 2 gol. Dalam perlawanan ulangan di-Labuan pada 15 May TPT mengalahkan Labuan 4 gol berbalas 2.

PERLAWANAN BOLA SEPAK DI-LABUAN

LABUAN.—Pasokan Champoran Tongkadeh-Padang Baru-Tasek dari Brunei telah berjaya mengalahkan pasokan Paparony Klab Borneo Utara dalam satu perlawanan bola sepak final Piala Perak Centenary yang telah di-adakan di-sini pada petang 17 May sudah dengan 2 gol berbalas satu.

Perlawanan itu telah di-adakan dengan memberi masa lebih kerana kedua2-nya telah dapat menjaringkan satu gol bagi sa-belah pihak sa-panjang dalam masa perlawanan.

Gol yang membawa kemenangan bagi Brunei itu telah di-jaringkan oleh Awangku Radin manakala pengadil dalam perlawanan itu memberikan 10 minit masa lebih.

Gol yang pertama telah di-jaringkan oleh Sabtu (Brunei) dan gol yang di-jaringkan oleh Awangku Radin membawa kemenangan Brunei itu ia-lah pada 3 minit sebelum akhir permainan.

Pegawai Daerah Labuan telah menyampaikan hadiah.

PERLAWANAN MEREPUT JOHAN HOCKEY

BANDAR BRUNEI.—Perlawanan hockey antara pasokan2 dalam Bandar Brunei bagi merebutkan gelaran johan tahun 1959 telah di-mulai pada hari Ithnin 18 May, 1959.

Sa-banyak 8 pasokan mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut, ia-itu Bahagian Pertama, Jabatan Pelajaran, Sultan Omar Ali Saifuddin College, Pasokan Yang Ke-Dua, P.W.D. Workshops Sports Klab dan Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei, Pasokan Yang Pertama, Bahagian Yang Ke-dua, Brunei Sports, Klab, Casuals, Sultan Omar Ali Saifuddin College, Pasokan Yang Pertama, Police dan Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei, Pasokan Yang Ke-dua.

Perlawanan2 semi-final akan di-adakan pada hari Sabtu 8 June dan hari Ithnin 10 June. Pertandingan akhir akan di-adakan pada hari Sabtu 15 June.

Piala Friend untuk johan perlawanan hockey antara pasokan2 di-Bandar Brunei telah di-menangi oleh Casuals pada tahun 1957 dan Sultan Omar Ali Saifuddin College pada tahun 1958. Piala Zain Ariff untuk naib johan per-

lawanan tersebut telah di-menangi oleh pasokan P.W.D. Workshops Sports Klab pada tahun 1957 dan 1958.

Kampong2 di-lengkapi dengan paip dan leterik

(Dari Muka 3)

berhampiran dengan rumah masing2.

Tanah getah itu akan di-usahakan oleh ahli2 keluarga itu sa-bagai mata pencharian kerana kehidupan, sambil tanah baharu mereka di-buka dan di-usahakan untuk pertanian.

KERAJAAN TELAH juga memberi akuan bahawa kampong2 pemindahan itu akan dilengkapi dengan kemudahan2 seperti jalan raya, bekalan ayer paip dan electric.

Masjid, sekolah, rumah kesihatan atau klinik dan padang permainan akan juga di-adakan.

Jawatan kuasa itu telah diberi tugas untuk mendapatkan fikiran dan pandangan penduduk2 kampong Ayer atas ran-

BOLA SEPAK HARI JADI QUEEN

KUALA BELAIT.—Satu peraduan bola sepak persahabatan akan di-adakan di-sini sa-bagai satu dari beberapa ranchangan menyambut hari keputeraan Baginda Queen dalam bulan hadapan.

Peraduan itu akan di-adakan pada waktu malam di-bawah cahaya lampu di-padang Kuala Belait Recreation Club.

Pasokan2 yang akan mengambil bahagian ia-lah pasokan pilihan dari Kuala Belait dan Bandar Brunei.

BELAIT MENANG CRICKET

KUALA BELAIT.—Dalam satu perlawanan cricket di-sini baharu2 ini, Kuala Belait Recreation Club telah mengalahkan dengan senang-nya Shell Recreation Club.

Kuala Belait Recreation Club telah mendapat 118 lari dan Shell Recreation Club 54 lari.

Antara pemain2 Kuala Belait Recreation Club yang telah memperoleh lari yang banyak sa-kali ia-lah Joseph, Mustapha dan d'Silva. Joseph telah memperoleh 51 lari, Mustapha 27 lari dan d'Silva 16 lari.

J. Nazareth (31 lari), D. Gomez (10 lari) dan H. Ratnam (9 lari) ia-lah antara pemain2 Shell Recreation Club yang telah memperoleh lari yang banyak bagi pasokan S.R.C. itu.

changan hendak memindahkan mereka dari ayer ka-tanah darat itu.

Ranchangan pemindahan itu mungkin di-jalankan dengan sahcepat mungkin, apabila sa-orang pegawai Malaya dari Persekutuan sampai di-sini tidak beberapa lama lagi, dan di-serahkan kepada pejabat Ranchangan Kemajuan Negeri.

Sa-orang pegawai dari Malaya di-jangka akan mengetuai pejabat itu tidak lama lagi.

Alasan penduduk2 kampong itu bекeras tinggal di-ayer ia-lah kerana kebanyakan di-antara mereka bekerja menangkap ikan.

Sa-kira mereka di-pindahkan ka-darat tentu-lah payah bagi mereka itu hendak turun ka-laut apalagi tempat itu jauh dari pantai atau tebing.

RANCHANGAN MELAYU RADIO BRUNEI

RABU, 20 MAY

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 persembahan Suara Baru Orkest
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri
- 1.05 Lagu2 rampaian
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.31 Lagu2 nyanyian Salmah Ismail
- 7.01 Lagu2 berunsor kelasik
- 7.15 Cherita Pendek — menyiarkan cherita2 yang di-terima daripada pendengar2 — Penerbit: Jamil Abdullah.
- 7.30 Lagu2 permintaan kaum ibu lagu2 permintaan yang di-khaskan untuk kaum ibu sahaja, Penerbit: P. Muhamad
- 8.00 Bintang malam.
- 8.15 Ranchangan Kaum Ibu oleh Halimah Hussin.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

KHAMIS, 21 MAY

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 nasihat
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu Masri
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.31 Kenangan lama — lagu2 yang membawa kenangan
- 7.01 Bachaan Koran.
- 7.15 Sharahan agama.
- 7.30 Kasidah dan lagu2 Mesir.
- 7.45 Islam di-zaman nabi2 — satu renchana mengesahkan perkembangan Agama Islam di-zaman Nabi2 — di-terbitkan oleh Yusoff Haji Abd. Kadir.
- 8.00 Lagu2 Mesir.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

JUMA'AT, 22 MAY

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Bachaan Koran dan sharahan agama.
- 1.00 Sembahyang Juma'at di-Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.31 Lagu2 langgam
- 7.01 Lagu2 film
- 7.15 "Lama dan Baru" Di-terbit-kan oleh Dk. Intan.
- 7.30 Hiboran oleh Pancharagam tempatan (ulangan)
- 8.00 Lagu2 permintaan sukaramai oleh Dk. Intan.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Meninjau ka luar negeri oleh P. Muhammad.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

SABTU, 23 MAY

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu irama baharu
- 12.45 Cherita pendek (ulangan)
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 permintaan hujung minggu — di-susun dan di-terbitkan oleh Dk. Mariam
- 1.30 Rehat.

Siaran malam


- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.31 Lagu2 waltz dan tango
- 7.01 Ruangan pemuda pemudi — Bertemu dan beramah tamah dengan pemuda pemudi yang chendrong ka-arah kemajuan masharakat
- 7.30 Lagu2 Pilehan Sendiri — Sa-orang pendengar di-jemput datang ka-Studio untuk memilih lagu2 kesukaraan-nya Penerbit: Dk. Mariam
- 8.00 Ruangan kanak2 — di-terbitkan oleh Halimah Hussin.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 "Tidor-lah Intan" di-terbit-kan oleh Jamil Abdullah.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

AHAD, 24 MAY

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Hiboran oleh Dendang Irama Orkest — daripada Awg. Besar Sagap
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Menikmati lagu2 film.
- 1.30 Meninjau ka-luar negeri (ulangan)
- 1.45 Ruangan Mana Suka.
- 2.00 Rehat.

BINTANG UNTOK DYMM



Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan sedang mengurniakan Darjah Kehormatan Kelantan yang tinggi sa-kali, Darjah Kerabat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Sultan Kelantan di-Kota Bharu pada masa lawatan Baginda sa-chara rasmi pada bulan April, 1959.

Orang minyak di-Berakas mendapat hadiah pertama

BERAKAS. — Sekolah Melayu Berakas, Brunei telah menyanbut Hari Ibu Bapa-nya kali yang ke-12 dengan mengadakan beberapa2 acara sambutan yang meriah pada 15, 16, 17 dan 18 Mei yang lalu.

Temasha Malam Gembira, mengandungi tarian2, nyanyian2 dan lakunan2 kelakar, serta bermacam2 peraduan terbuka kepada murid2 sekolah itu dan orang2 dewasa telah di-adakan pada malam 15 dan 16 Mei. Pada malam 17 Mei, sekolah itu telah mengadakan Majlis Chera-mah dan Aneka Warna.

Pada pagi hari Ahad 17 Mei sekolah itu telah mengadakan pertunjukan Darjah2 Mengajar serta pertunjukan barang2 perbuatan tangan, buah2an dan sayor-an manakala pada petang hari itu pula telah di-adakan temasha sukan.

Antara peraduan2 yang menarek hati yang telah di-persembahkan di-temasha Malam Gembira Sekolah Berakas ia-lah Pera-

duan Pakaian Beragam terbuka kepada orang2 dewasa.

S. Mohamed Ariff yang telah monchol di-atas pentas sa-bagi orang minyak telah memenangi peraduan itu. Gelaran yang kedua telah di-menangi oleh M.Y. Yusli yang telah memakai pakaian orang Dayak dan gelaran yang ketiga telah di-menangi oleh Dimun Suhaili yang telah memakai pakaian Askar Tani Melayu.

PERSEDIAAN PILEHAN RAYA

KUALA LUMPUR. — Persediaan kerana mengadakan pilehan raya Persekutuan Tanah Melayu dalam bulan August ini telah dilaksanakan, demikian di-umumkan oleh Pesuruh Jaya Pilehan Raya Persekutuan, Tuan Ha Mustapha Albakri.

Lebih 2,000,000 ada-lah berhas mengundi dalam pilehan raya kerana memilih ahli2 parlimen yang mengandungi dewan pertuanan itu.

Sungguh pun Malaya telah bebas dari pemerentahan British semenjak tahun 1957 tetapi negeri itu belum lagi membubarkan Majlis Meshuarat Undang-undang yang berjalan di-bawah pemerintahan British dahulu.

Satu pemashhoran akan di-umumkan tidak lama lagi untuk membubarkan majlis itu.

Bagi menguruskan pilehan raya tersebut lebih kurang 7,000 orang pegawai akan di-kehendaki.

BERKABONG KERANA KEMANGKATAN

BANDAR BRUNEI. — Anak2 Johor (Malaya) yang berada di-Brunei sekarang sedang berkabong berikutan dengan kemangkatan Raja mereka Almarhum Sultan Sir Ibrahim di-London.

Mereka itu telah di-nasihatkan berkabong oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Lama-nya mereka itu berkabong tidak di-tetapkan tetapi mungkin sa-hingga jenazah baginda di-makamkan di-Johore Baharu pada awal bulan hadapan.

Almarhum itu telah mangkat di-London pada 8 Mei.